

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 26 JANUARI 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 22

OPR berpotensi kekal jika kadar inflasi terus reda



Rafizi bersama Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin (kanan) pada sidang media di Putrajaya, semalam.

(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

OPR berpotensi kekal jika kadar inflasi terus reda

Bank pusat guna dasar monetari kekang tekanan kenaikan dalam pasaran tempatan

Oleh Mahanum Abdul Aziz dan Irwan Shafrizan Ismail
hbhiz@bh.com.my

Kadar Dasar Semalam (OPR) berpotensi kekal pada paras 2.75 peratus jika kadar inflasi di negara ini terus mereda pada bulan-bulan akan datang, demikian pandangan Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli.

Beliau berkata, secara teori, bank pusat akan menggunakan dasar monetari, iaitu menerusi OPR untuk menekang tekanan kenaikan inflasi dalam pasaran tempatan, dengan jangkaan pengguna akan kurang berbelanja dan sekali gus akan meredakan peningkatan pantas inflasi

dipacu permintaan.

Katanya, berdasarkan perangkaan semasa, kadar inflasi di negara ini sudah mereda dengan mencatatkan kadar 3.8 peratus pada Disember 2022.

Malah, jelasnya, bagi keseluruhan 2022, kadar inflasi Malaysia adalah 3.3 peratus yang sejalan dengan unjuran oleh Kementerian Kewangan dalam *Laporan Tinjauan Ekonomi 2023*.

Katanya, faktor yang memacu inflasi dalam pasaran tempatan sebahagian besarnya disumbangkan harga makakan yang mana orang membeli makakan di luar.

"Kalau kita tengok angka inflasi, yang paling utama memacu inflasi barang makakan siap yang kita beli di luar sama ada di restoran atau di hotel."

"Jika OPR pada paras 2.75 peratus dan kadar inflasi terus mereda pada Januari dan Februari, itu akan menunjukkan OPR boleh kekal pada 2.75 peratus," katanya pada sidang media di Putrajaya, semalam.

Bank Negara Malaysia (BNM) menerusi Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) pada minggu la-

lu membuat keputusan mengejut dengan mengekalkan OPR pada paras 2.75 peratus selepas empat kenaikan secara berturut-turut.

OPR naik empat kali

Bank pusat sudah menaikkan OPR empat kali berturut-turut bermula Mei, Julai, September dan November lalu, dengan masing-masing meningkat 25 mata asas kepada 2.75 peratus berbanding paras rekod terendah 1.75 peratus sebelumnya.

Keputusan MPC mengekalkan penanda aras pinjaman itu adalah luar jangkaan susulan sebahagian besar penganalisis meningkatkan kenaikan ke paras sebelum pandemik iaitu kenaikan 0.25 peratus lagi.

Dengan langkah terkini BNM mengekalkan OPR pada 2.75 peratus, terdapat penganalisis menjangkakan bank pusat itu ber kemungkinan meneruskan pendirian berkenaan untuk mengekalkan OPR pada paras itu berikutnya kerdedaan kenaikan pantas inflasi dan tinjauan ekonomi global yang semakin kurang memberangsangkan.